



BACA DAN SEBUT NOMBOR

- 1 Infografik menunjukkan bilangan pengguna pelbagai peranti untuk mengakses Internet di sebuah negara.



- a Berapakah bilangan pengguna televisyen pintar untuk mengakses Internet?

juta	ratus ribu	puluh ribu	ribu	ratus	puluh	sa
1	2	3	7	4	8	3

satu juta dua ratus tiga puluh tujuh ribu empat ratus lapan puluh tiga

Sebut bilangan pengguna telefon pintar dan komputer meja untuk mengakses Internet.



NOTA GURU

- Tegaskan sebutan nombor dengan betul berdasarkan nilai tempat.
- Jalankan aktiviti menyebut nombor secara rawak menggunakan maklumat pada infografik di atas.



b

Bilangan pengguna komputer riba yang mengakses Internet
4 405 792

Empat juta empat puluh lima ribu tujuh ratus sembilan puluh dua.

Adakah sebutan Rani betul? Bincangkan.



2

Saya tulis nombor dalam perkataan.

Saya tulis angkanya.

SELASA 11 JANUARI 2022

7 290 005

tujuh juta dua ratus sembilan puluh ribu lima

SELASA 11 JANUARI 2022

lapan juta lapan puluh

8 000 080

3

Tulis "tiga juta lima ratus empat ribu tiga belas" dalam angka.

3 504 130

3 504 013

Jaslin

Aizam

Tahukah kamu?

Nombor	Nilai tempat bagi digit 1
1 000 000	juta
1 000 000 000	bilion
1 000 000 000 000	trilion

Siapakah yang menulis angka dengan betul?



NOTA GURU

- Gunakan kod imbasan untuk aktiviti menyebut dan menulis nombor dalam angka atau perkataan.



Gunakan kad-kad digit di atas untuk membina empat nombor tujuh digit yang bermula dengan digit 3. Dua digit nombor genap mestilah sentiasa bersebelahan. Sebut dan tulis nombor itu dalam angka.



CELIK MINDA

1) Sebut nombor.

a 2 189 234

b 9 273 180

c 6 031 095

d 3 006 070

2) Tulis nombor dalam perkataan.

a 4 238 452

b 8 093 120

c 5 700 106

d 10 000 000

3) Tulis nombor dalam angka.

a sembilan ratus lima belas ribu seratus dua puluh lima

b dua juta lima ratus tiga ribu tiga ratus enam puluh satu

c lapan juta tujuh ratus lima puluh ribu empat puluh tiga

d enam juta tiga ribu sembilan ratus tujuh

e tiga juta enam

f lima juta lima belas ribu tujuh puluh lapan

g empat juta tiga ratus dua

h tujuh juta sembilan ratus sembilan belas

4)

0

3

4

1

5

7

0

Bina tiga nombor tujuh digit daripada kad-kad digit yang diberikan. Sebut dan tulis nombor itu dalam perkataan.

5) Sebut satu nombor melibatkan nilai juta. Tulis nombor itu dalam angka dan perkataan.



POLA NOMBOR

KHAMIS

13 JANUARI 2022

- 1 Susun kad-kad nombor bagi pola nombor tertib menaik lapan ratus-lapan ratus.

+ 800 + 800 + 800 + 800

2 390 795

2 391 595

2 392 395

Saya menggunakan kalkulator untuk mengira nombor seterusnya.

2 394 795

2 393 995

2 393 195



nombor kedua

2391595



nombor ketiga

2392395

Apakah nombor kesembilan dalam pola ini?



nombor keempat

2393195



nombor kelima

2393995

NOTA GURU

- Mulakan pembelajaran menggunakan nombor seperti 3 000 000 dan pola nombor mudah seperti tambah 100 dan 1 000 untuk merangsang pemahaman murid dengan pelbagai tahap penguasaan.
- Kalkulator saintifik hanya digunakan sebagai bahan bantu mengajar untuk mewakili dan menentukan pola nombor.



2



3 095 475


3 096 475

3 097 475

Apakah pola nombor di atas?



3



Bilang menurun satu juta-satu juta dari 6 890 740.
Pola nombor ini ialah **tertib menurun satu juta-satu juta**.



4

Kenal pasti pola nombor dari A ke E. Nyatakan polanya.

	A	B	C	D	E
1	7 657 850	7 657 450	7 657 050	7 656 650	7 656 250
2					

Nilai nombor **semakin kecil**. Pola nombor ialah **tertib menurun**.

Saya mendapati **digit ratus** bagi tiga nombor itu **berbeza**.



7 657 850, 7 657 450, 7 657 050, 7 656 650, 7 656 250

Kira beza.

$$\begin{array}{r} 7\,657\,850 \\ - 7\,657\,450 \\ \hline 400 \end{array}$$

$$\begin{array}{r} 7\,657\,450 \\ - 7\,657\,050 \\ \hline 400 \end{array}$$

Pola nombor ini ialah **tertib menurun empat ratus-empat ratus**.

NOTA GURU

- Minta murid mendapatkan nombor seterusnya dalam pola nombor di atas.

5 Lihat pola nombor di bawah. Apakah nilai bagi x ?

1 307 295

1 355 530

1 403 765

x

1 500 235



Cari beza antara dua nombor.

$$\begin{array}{r} \\ \\ - \\ \hline \end{array}$$

$$\begin{array}{r} \\ \\ - \\ \hline \end{array}$$

$$\begin{array}{r} \\ \\ + \\ \hline \end{array}$$

Tambah 1 403 765 dan 48 235 untuk mendapatkan nilai x .

Nilai x ialah 1 452 000

Apakah cara lain untuk mendapatkan nilai x ?
Nyatakan nombor keenam dalam pola itu.



6 Kad nombor di bawah disusun dalam tertib menurun. Apakah nilai p ?

5 086 423

5 079 373

5 072 323

p

5 058 223

Langkah 1 Cari beza antara dua nombor yang bersebelahan.

$$\begin{array}{r} \\ \\ - \\ \hline \end{array}$$

$$\begin{array}{r} \\ \\ - \\ \hline \end{array}$$

Langkah 2 Tolak 7 050 daripada 5 072 323 untuk mendapatkan nilai p .

$$\begin{array}{r} \\ \\ - \\ \hline \end{array}$$

Nilai p ialah 5 065 273

NOTA GURU

● Jalankan kuiz secara berpasangan untuk mengenal pasti pola nombor tertib menaik dan menurun.

7 Lihat pola nomor di bawah. Apakah nilai p ?

100, 600, 3 600, 21 600, 129 600, p , q



Darab nomor sebelumnya dengan 6.

$\times 6$ $\times 6$ $\times 6$ $\times 6$ $\times 6$
100, 600, 3 600, 21 600, 129 600, p , q

$$\begin{array}{r} 153 \\ 129600 \\ \times 6 \\ \hline 777600 \end{array}$$

Hitung nilai q pula.



Nilai p ialah **777 600**.

8 Apakah pola nomor di bawah? Nyatakan nilai t .

128

64

32

16

t

$$\begin{array}{r} 2 \\ 64 \overline{) 128} \\ - 128 \\ \hline 0 \end{array}$$

$$\begin{array}{r} 2 \\ 32 \overline{) 64} \\ - 64 \\ \hline 0 \end{array}$$

128, 64, 32, 16, t
 $\div 2 \div 2 \div 2 \div 2$

$$t = 16 \div 2 = 8$$

Pola nomor ini ialah tertib menurun bahagi dua-dua.

Nilai t ialah **8**.

9 Teliti pola rajah di bawah.

Pola

Rajah 1

$$1 \times 1 = 1$$

Rajah 2

$$2 \times 2 = 4$$

Rajah 3

$$3 \times 3 = 9$$

Rajah 4

$$4 \times 4 = 16$$

Rajah 5

$$5 \times 5 = 25$$

Jika pola ini diteruskan, apakah hasil darab bagi Rajah 7?



NOTA GURU

- Bimbing murid mendapatkan hasil darab bagi Rajah 7.



Teliti pola nombor berikut.

$$I = I \times I$$

$$121 = 11 \times 11$$

$$12321 = 111 \times 111$$

$$1234321 = \text{ } \times \text{ }$$

Apakah nilai pada petak kosong?



CELIK MINDA


1



Gambar menunjukkan suatu pola nombor.

- Nyatakan pola nombor itu.
- Apakah nombor keenam?
- 4 964 116 ialah nombor ke berapa dalam pola nombor itu?

2



Lima keping kad nombor di atas disusun berpola. Nyatakan nilai x .

3



- Apakah pola nombor di atas?
- Nyatakan nilai p dan q .


4



Rajah 1



Rajah 2



Rajah 3

Rajah di atas menunjukkan pola susunan bilangan batang mancis. Berapakah bilangan batang mancis pada Rajah 5?

NOTA GURU

- Jalankan aktiviti Fikir-Pasang-Kongsi (*Think-Pair-Share*) untuk menyusun satu set nombor dalam pola menaik atau menurun serta menyatakan polanya.
- Kalkulator boleh digunakan untuk aktiviti Cerdas Minda.



KENALI PECAHAN JUTA DAN PERPULUHAN JUTA



LANGKAWI: Jumlah pelancong yang berkunjung ke pulau peranginan ini pada tahun ini sehingga Oktober yang lalu hanya $1\frac{1}{2}$ juta orang. Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA), Dr. Hezri Adnan berkata jumlah tersebut adalah kecil berbanding dengan jumlah pelancong yang dicatatkan pada tahun lalu, iaitu seramai $3\frac{9}{10}$ juta orang.

Sumber diubah suai dan dicapai pada 8 Oktober 2021: <https://bit.ly/3AB5CX0>

$1\frac{1}{2}$ juta

satu
perdua juta

satu setengah juta

$3\frac{9}{10}$ juta

tiga sembilan
persepuluh juta



$2\frac{3}{4}$ juta disebut dua tiga perempat juta. Apakah sebutan lain bagi $2\frac{3}{4}$ juta?

2

Nancy, sebutkan bilangan pelitup muka. Kumar, sebutkan bilangan pensanitasi tangan.



RABU

19 JANUARI 2022

Pengeluaran pada Minggu Pertama

Item	Bilangan item
Pelitup muka 	0.75 juta
Pensanitasi tangan 	1.2 juta

Satu perpuluhan dua juta.

Sifar perpuluhan tujuh lima juta.

NOTA GURU

- Jalankan aktiviti menyebut nombor perpuluhan juta dan pecahan juta menggunakan kad angka atau kad perkataan secara rawak.
- Tegaskan sebutan pecahan juta dan perpuluhan juta yang betul.

1.1.3
1.1.4

3

KHAMIS

20 JANUARI 2022

Tulis nombor berikut dalam angka.

tiga perlima juta

 $3\frac{3}{5}$ jutatujuh perpuluhan empat
sifar satu juta

7.401 juta



4 Tiga orang murid menulis lima tiga suku juta dalam angka.

Anisah

 $5\frac{3}{4}$ juta

Kathleen

 $5\frac{1}{4}$ juta

Ravi

 $5\frac{3}{8}$ jutaSiapakah yang
menulis dengan betul?
Bincangkan.

CELIK MINDA

1 Sebut nombor.

a $\frac{3}{10}$ juta

b 9.5 juta

c 0.87 juta

d $6\frac{3}{4}$ juta

e 1.023 juta

2 Tulis nombor dalam perkataan.

a $\frac{1}{5}$ juta

b 7.6 juta

c 1.034 juta

d $8\frac{1}{2}$ juta

e 5.902 juta

3 Tulis nombor dalam angka.

a dua perlima juta

b sifar perpuluhan tujuh juta

c enam tiga perlapen juta

d empat perpuluhan sifar dua enam juta

NOTA GURU

- Laksanakan aktiviti PAK-21 untuk menyebut dan menulis nombor dalam angka dan perkataan secara Giliran Robin (Rally Robin) bagi memantapkan penguasaan murid.



PENUKARAN NOMBOR

PERPULUHAN JUTA DAN PECAHAN JUTA KEPADA NOMBOR BULAT

Keluasan kawasan berhutan bagi Semenanjung Malaysia adalah seluas **5.78 juta** hektar dan **4.91 juta** hektar adalah Hutan Simpanan Kekal. Sarawak pula mempunyai estet hutan kekal seluas **$4\frac{3}{10}$ juta** hektar manakala kawasan perlindungan kekalnya pula adalah seluas **0.674 juta** hektar. Bagi Sabah, Jabatan Perhutanan Sabah telah menubuhkan sejumlah **$3\frac{3}{5}$ juta** hektar kawasan hutan simpan daripada keluasan tanah negeri.

Sumber diubah suai dan dicapai pada 8 Oktober 2021: <https://bit.ly/3xxHx1y>

- 1 Tukar 5.78 juta kepada nombor bulat.

5.78 juta =

Cara 1

Nilai tempat	juta	ratus ribu	puluh ribu	ribu	ratus	puluh	sa
Nilai digit	5	7	8	0	0	0	0

$$5.78 \text{ juta} = 5 \text{ juta} + 0.7 \text{ juta} + 0.08 \text{ juta}$$

$$= 5 \text{ juta} + 7 \text{ ratus ribu} + 8 \text{ puluh ribu}$$



Cara 2

$$5.78 \text{ juta} = 5.78 \times 1 \text{ juta}$$

$$= 5.780000 \times 1\,000\,000$$

$$= 5\,780\,000$$

5.78 juta = 5 780 000

- 2 0.674 juta =

$$0.674 \text{ juta} = 0.674 \times 1 \text{ juta}$$

$$= 0.674000 \times 1\,000\,000$$

$$= 674\,000$$

0.674 juta = 674 000

Gunakan cara 1 di atas untuk selesaikan soalan 2.



Tukar 8.91 juta kepada nombor bulat.



NOTA GURU

- Jalankan aktiviti kuiz seperti memadankan perpuluhan juta dengan nombor bulat.

3 Tukar $4\frac{3}{10}$ juta kepada nombor bulat

$$4\frac{3}{10} \text{ juta} = \text{_____}$$

$$4\frac{3}{10} = 4.3$$

Cara 1

$$\begin{aligned} 4\frac{3}{10} \text{ juta} &= 4\frac{3}{10} \times 1 \text{ juta} \\ &= 4.300000 \times 1\,000\,000 \\ &= 4\,300\,000 \end{aligned}$$

Cara 2

$$\begin{aligned} 4\frac{3}{10} \text{ juta} &= 4\frac{3}{10} \times 1 \text{ juta} \\ &= \frac{43}{10} \times 1\,000\,000 \\ &= 4\,300\,000 \end{aligned}$$

Tukar $4\frac{3}{10}$ kepada pecahan tak wajar, $\frac{43}{10}$.

$$4\frac{3}{10} \text{ juta} = 4\,300\,000$$

4 $3\frac{3}{5}$ juta = _____

$$\begin{aligned} 3\frac{3}{5} \text{ juta} &= 3 \text{ juta} + \frac{3}{5} \text{ juta} \\ &= 3\,000\,000 + 600\,000 \\ &= 3\,600\,000 \end{aligned}$$

$$3\frac{3}{5} \text{ juta} = 3\,600\,000$$

1 juta = 1 000 000

$\frac{1}{5}$ juta	$\frac{1}{5}$ juta	$\frac{1}{5}$ juta	$\frac{1}{5}$ juta	$\frac{1}{5}$ juta
200 000	200 000	200 000	200 000	200 000

$$\frac{3}{5} \text{ juta} = 600\,000$$

$$\frac{2}{5} \text{ juta} = 400\,000$$

Tukar $1\frac{2}{5}$ juta kepada nombor bulat.



Berpandukan garis nombor di atas, nyatakan nilai p dan q dalam nombor bulat.

NOTA GURU

- Gunakan carta pecahan, jalur pecahan atau garis nombor untuk menerangkan perkaitan antara nombor bulat dengan pecahan juta.
- Imbas kod QR untuk mendapatkan carta pecahan juta.

- 1 Nyatakan 700 000 dalam perpuluhan juta.

700 000 = 0.7 juta

Cara 1



Nilai tempat	juta	ratus ribu	puluh ribu	ribu	ratus	puluh	sa
Nilai digit	0	7	0	0	0	0	0

$$700\,000 = 0.7 \text{ juta}$$

Nilai digit juta ialah 0. Letak titik perpuluhan di antara digit juta dan ratus ribu. Abaikan digit 0 selepas 7. Tulis perkataan juta. Jawapannya 0.7 juta.

Cara 2

$$\begin{aligned}
 700\,000 &= \left(\frac{700\,000}{1\,000\,000} \right) \text{ juta} \\
 &= \frac{7}{10} \text{ juta} \\
 &= 0.7 \text{ juta}
 \end{aligned}$$

$$700\,000 = \text{0.7} \text{ juta}$$

- 2 Tukar 5 230 000 kepada perpuluhan juta.

$$5\,230\,000 = \text{5.23} \text{ juta}$$

$$\begin{aligned}
 5\,230\,000 &= (5\,230\,000 \div 1\,000\,000) \text{ juta} \\
 &= 5.23 \text{ juta}
 \end{aligned}$$

$$5\,230\,000 = \text{5.23} \text{ juta}$$



Tukar 3 725 000 kepada perpuluhan juta.

- 3 Nyatakan 800 000 dalam pecahan juta.

$$800\,000 = \text{0.8} \text{ juta}$$

$$\begin{aligned}
 800\,000 &= \left(\frac{800\,000}{1\,000\,000} \right) \text{ juta} \\
 &= \frac{8 \div 2}{10 \div 2} \text{ juta} \\
 &= \frac{4}{5} \text{ juta}
 \end{aligned}$$

$$800\,000 = \text{\frac{4}{5}} \text{ juta}$$

NOTA GURU

- Pelbagaikan soalan berkaitan dengan hubungan antara perpuluhan juta dan pecahan juta dengan nombor bulat dan sebaliknya.
- Tegaskan pecahan juta perlu ditulis dalam bentuk termudah.

- 4 Tukar 1 900 000 kepada pecahan juta.

$$1\,900\,000 = \boxed{} \text{ juta}$$

$$1\,900\,000 = \left(\frac{1\,900\,000}{1\,000\,000} \right) \text{ juta}$$

$$= \frac{19}{10} \text{ juta}$$

$$= 1\frac{9}{10} \text{ juta}$$

$$1\,900\,000 = \boxed{1\frac{9}{10}} \text{ juta}$$

- 5 Adakah ketiga-tiga kad ini sama nilai? Bincangkan.



GELIK MINDA

- 1 Tukar perpuluhan juta kepada nombor bulat.

a $0.4 \text{ juta} = \boxed{}$

b $0.12 \text{ juta} = \boxed{}$

c $1.08 \text{ juta} = \boxed{}$

d $1.5 \text{ juta} = \boxed{}$

e $0.032 \text{ juta} = \boxed{}$

f $9.013 \text{ juta} = \boxed{}$

- 2 Tukar pecahan juta kepada nombor bulat.

a $\frac{9}{10} \text{ juta} = \boxed{}$

b $\frac{1}{2} \text{ juta} = \boxed{}$

c $\frac{1}{4} \text{ juta} = \boxed{}$

d $9\frac{3}{4} \text{ juta} = \boxed{}$

e $8\frac{4}{5} \text{ juta} = \boxed{}$

f $6\frac{7}{8} \text{ juta} = \boxed{}$

g $2\frac{1}{5} \text{ juta} = \boxed{}$

h $3\frac{5}{8} \text{ juta} = \boxed{}$

i $7\frac{3}{8} \text{ juta} = \boxed{}$

- 3 Lengkapkan jadual berikut.

Nombor bulat	500 000				2 750 000
Perpuluhan juta		2.3 juta			
Pecahan juta			$6\frac{1}{8} \text{ juta}$	$1\frac{4}{5} \text{ juta}$	

- 4 3 625 000 adalah bersamaan dengan $3\frac{5}{8} \text{ juta}$. Buktikan.

NOTA GURU

- Jalankan aktiviti menyatakan nombor bulat, pecahan juta dan perpuluhan juta yang sama nilai.
- Berikan contoh pecahan juta yang melibatkan penyebut 2, 4, 5, 8 dan 10 sahaja.



OPERASI ASAS

TAMBAH

- 1 Jadual menunjukkan bilangan penduduk di tiga daerah Seberang Perai pada tahun 2020.

Daerah Seberang Perai	Utara	Tengah	Selatan
Bilangan penduduk	405 100	467 800	235 100

Sumber dicapai pada 8 Oktober 2021: <https://bit.ly/2VHO107>

Berapakah jumlah penduduk di tiga daerah Seberang Perai itu?

$$405\ 100 + 467\ 800 + 235\ 100 = \boxed{}$$

$$\begin{array}{r} 405\ 100 \\ + 467\ 800 \\ \hline 872\ 900 \end{array} \quad \begin{array}{r} 872\ 900 \\ + 235\ 100 \\ \hline 1\ 108\ 000 \end{array}$$

Nyatakan jumlah penduduk dalam perpuluhan juta.



$$405\ 100 + 467\ 800 + 235\ 100 = \boxed{1\ 108\ 000}$$

Jumlah penduduk di tiga daerah Seberang Perai ialah 1 108 000.

- 2 $4\ 305\ 612 + 780\ 107 = \boxed{}$

$$\begin{array}{r} 4\ 305\ 612 \\ + 780\ 107 \\ \hline 5\ 085\ 719 \end{array}$$

Susun digit pada nilai tempat yang betul.



$$4\ 305\ 612 + 780\ 107 = \boxed{5\ 085\ 719}$$

- 3 $9\ 408 + 3\ 071\ 592 + 68\ 043 = \boxed{}$

Cara 1

$$\begin{array}{r} 9\ 408 \\ 3\ 071\ 592 \\ + 68\ 043 \\ \hline \boxed{} \end{array}$$

Cara 2

$$\begin{array}{r} 3\ 071\ 592 \\ + 9\ 408 \\ \hline 3\ 081\ 000 \end{array} \quad \begin{array}{r} 3\ 081\ 000 \\ + 68\ 043 \\ \hline \boxed{} \end{array}$$

Selesaikan. Cara yang manakah lebih mudah?



NOTA GURU

- Pelbagai cara pengiraan seperti menyusun nombor yang lebih besar dahulu di atas dan menggunakan anggaran untuk menyemak jawapan.

4 $5\,240\,780 + 0.65 \text{ juta} =$

Langkah 1

$$0.65 \text{ juta} = 0.65 \underline{0000} \times 1\,000\,000 \\ = 650\,000$$

Langkah 2

$$\begin{array}{r} 5\,240\,780 \\ + \quad 650\,000 \\ \hline 5\,890\,780 \end{array}$$

$5\,240\,780 + 0.65 \text{ juta} =$ 5 890 780

5 $2\frac{3}{10} \text{ juta} + 4\,100\,000 =$



Berikan jawapan dalam nombor bulat dan perpuluhan juta.

Kiraan 1

$$2\frac{3}{10} \text{ juta} = 2.3 \text{ juta} \\ = 2.3 \underline{00000} \times 1\,000\,000 \\ = 2\,300\,000$$

$$2\frac{3}{10} \text{ juta} + 4\,100\,000 = 2\,300\,000 + 4\,100\,000 \\ = 6\,400\,000$$

Kiraan 2

$$2\frac{3}{10} \text{ juta} = 2 \text{ juta} + \frac{3}{10} \text{ juta} \\ = 2.0 \text{ juta} + 0.3 \text{ juta} \\ = 2.3 \text{ juta}$$

$$4\,100\,000 = \left(\frac{4\,100\,000}{1\,000\,000} \right) \text{ juta} \\ = \frac{41}{10} \text{ juta} \\ = 4.1 \text{ juta}$$

$$2\frac{3}{10} \text{ juta} + 4\,100\,000 = 2.3 \text{ juta} + 4.1 \text{ juta} \\ = 6.4 \text{ juta}$$

$2\frac{3}{10} \text{ juta} + 4\,100\,000 =$ 6 400 000 atau 6.4 juta

Bolehkah kamu nyatakan jawapan itu dalam pecahan?



NOTA GURU

- Tegaskan keperluan untuk menukar perpuluhan juta dan pecahan juta kepada nombor bulat sebelum menyelesaikan operasi tambah mengikut kehendak soalan.



- a Hitung jumlah murid yang mengikuti pembelajaran dalam talian di negeri R dan S. Nyatakan jawapan dalam nombor bulat.

$$0.89 \text{ juta} + 1.04 \text{ juta} = \text{[]}$$

Langkah 1

$$\begin{array}{r} 0.89 \text{ juta} \\ + 1.04 \text{ juta} \\ \hline 1.93 \text{ juta} \end{array}$$

Langkah 2

$$\begin{aligned} 1.93 \text{ juta} &= 1.930000 \times 1\,000\,000 \\ &= 1\,930\,000 \end{aligned}$$

$$0.89 \text{ juta} + 1.04 \text{ juta} = 1\,930\,000$$

Jumlah murid yang mengikuti pembelajaran dalam talian di negeri R dan S ialah 1 930 000 orang.

- b Jumlahkan bilangan murid yang mengikuti pembelajaran dalam talian di negeri P dan Q.

$$2\frac{1}{10} \text{ juta} + 6\frac{2}{5} \text{ juta} = \text{[]} \text{ juta}$$

$$\begin{aligned} 2\frac{1}{10} \text{ juta} + 6\frac{2 \times 2}{5 \times 2} \text{ juta} &= 2\frac{1}{10} \text{ juta} + 6\frac{4}{10} \text{ juta} \\ &= 8\frac{5}{10 \div 5} \text{ juta} \\ &= 8\frac{1}{2} \text{ juta} \end{aligned}$$

Selesaikan dengan cara lain pula.



$$2\frac{1}{10} \text{ juta} + 6\frac{2}{5} \text{ juta} = 8\frac{1}{2} \text{ juta}$$

Jumlah murid yang mengikuti pembelajaran dalam talian di negeri P dan Q ialah $8\frac{1}{2}$ juta orang.

NOTA GURU

- Pelbagaikan soalan dengan menggunakan data dalam contoh 6 di atas.

7 $4.052 \text{ juta} + 3\frac{3}{8} \text{ juta} =$ juta

$$3\frac{3}{8} \text{ juta} = \frac{27}{8} \text{ juta}$$

$$= 3.375 \text{ juta}$$

$$\begin{array}{r} 3.375 \\ 8 \overline{) 27.000} \\ \underline{-24} \\ 30 \\ \underline{-24} \\ 60 \\ \underline{-56} \\ 40 \\ \underline{-40} \\ 0 \end{array}$$

$$\begin{array}{r} 4.052 \text{ juta} \\ + 3.375 \text{ juta} \\ \hline 7.427 \text{ juta} \end{array}$$

Nyatakan jawapan dalam nombor bulat.



$4.052 \text{ juta} + 3\frac{3}{8} \text{ juta} =$ 7.427 juta

8 $2.12 \text{ juta} + 680\,000 + 1\frac{4}{5} \text{ juta} =$ juta

Nyatakan hasil tambah dalam perpuluhan juta.

$$680\,000 = \left(\frac{680\,000}{1\,000\,000} \right) \text{ juta}$$

$$= (68 \div 100) \text{ juta}$$

$$= 0.68 \text{ juta}$$

$$1\frac{4}{5} \text{ juta} = 1 \text{ juta} + \frac{4 \times 2}{5 \times 2} \text{ juta}$$

$$= 1 \text{ juta} + \frac{8}{10} \text{ juta}$$


$$= 1.0 \text{ juta} + 0.8 \text{ juta}$$

$$= 1.8 \text{ juta}$$

$$\begin{array}{r} 2.12 \text{ juta} \\ 0.68 \text{ juta} \\ + 1.80 \text{ juta} \\ \hline 4.60 \text{ juta} \end{array}$$

$2.12 \text{ juta} + 680\,000 + 1\frac{4}{5} \text{ juta} =$ 4.6 juta

Siapakah yang menunjukkan kad nombor yang sama nilai dengan jawapan 4.6 juta?



- 1 Gambar menunjukkan bilangan empat jenis termometer digital yang dikeluarkan oleh sebuah kilang.



- a Hitung beza antara bilangan termometer digital A dengan B.

$$4\,305\,127 - 3\,180\,127 = \boxed{1\,125\,000}$$

	juta	ratus ribu	puluh ribu	ribu	ratus	puluh	sa
4	2	10	5	1	2	7	
-	3	1	8	0	1	2	7
	1	1	2	5	0	0	0

Nyatakan jawapan dalam pecahan juta.

$$4\,305\,127 - 3\,180\,127 = \boxed{1\,125\,000}$$

Beza antara bilangan termometer digital A dengan B ialah **1 125 000**.

- b Berapakah lebihnya bilangan termometer digital A berbanding dengan bilangan termometer digital C?

$$4\,305\,127 - 0.96 \text{ juta} = \boxed{3\,345\,127}$$

Langkah 1

$$0.96 \text{ juta} = 0.960000 \times 1\,000\,000 = 960\,000$$

Langkah 2

$$\begin{array}{r} 12 \\ 3 \cancel{2} 10 \\ 4 \cancel{3} 0 5 \, 127 \\ - \quad 960\,000 \\ \hline 3\,345\,127 \end{array}$$

$$4\,305\,127 - 0.96 \text{ juta} = \boxed{3\,345\,127}$$

Bilangan termometer digital A lebih **3 345 127** berbanding dengan bilangan termometer digital C.

NOTA GURU

- Tegaskan penyusunan digit-digit mengikut nilai tempat yang betul untuk melakukan operasi tolak dalam bentuk lazim.

- C** Berapakah bilangan terangkan termometer digital D berbanding dengan termometer digital B?

$$3\ 180\ 127 - \frac{7}{10} \text{ juta} = \boxed{}$$

Kad P

$$3\ 180\ 127 - \frac{7}{10} \text{ juta} = 3\ 180\ 127 - 70\ 000 \\ = 3\ 110\ 127$$

Kad Q

$$3\ 180\ 127 - \frac{7}{10} \text{ juta} = 3\ 180\ 127 - 700\ 000 \\ = 2\ 480\ 127$$



Pengiraan dalam kad yang manakah yang betul? Bincangkan.

2 RM8.75 juta – RM3.906 juta = $\boxed{}$ juta

$$\begin{array}{r} 7\ 17\ 4\ 10 \\ \text{RM } \cancel{8}. \cancel{7} \cancel{5} \text{ juta} \\ - \text{RM } 3. \cancel{9} \cancel{0} \cancel{6} \text{ juta} \\ \hline \text{RM } 4. \cancel{8} \cancel{4} \cancel{4} \text{ juta} \end{array}$$

Nyatakan jawapan dalam nombor bulat.



$$\text{RM}8.75 \text{ juta} - \text{RM}3.906 \text{ juta} = \boxed{\text{RM}4.844} \text{ juta}$$

- 3** Tolak $6\frac{1}{4}$ juta daripada $9\frac{3}{5}$ juta. Nyatakan baki dalam nombor bulat.

$$9\frac{3}{5} \text{ juta} - 6\frac{1}{4} \text{ juta} = \boxed{}$$

Cara 1

$$\begin{aligned} 9\frac{3}{5} \text{ juta} - 6\frac{1}{4} \text{ juta} &= 9\frac{3 \times 4}{5 \times 4} \text{ juta} - 6\frac{1 \times 5}{4 \times 5} \text{ juta} \\ &= 9\frac{12}{20} \text{ juta} - 6\frac{5}{20} \text{ juta} \\ &= 3\frac{7}{20} \text{ juta} \\ &= 3 \text{ juta} + \boxed{} \\ &= 3\ 000\ 000 + \boxed{} \\ &= \boxed{} \end{aligned}$$

Cara 2

$$\begin{aligned} 9\frac{3}{5} \text{ juta} &= 9.6 \text{ juta} \\ &= 9\ 600\ 000 \\ 6\frac{1}{4} \text{ juta} &= \boxed{} \\ \hline &9\ 600\ 000 \\ - &\boxed{} \\ \hline &\boxed{} \end{aligned}$$



Lengkapkan. Bandingkan pengiraan cara 1 dengan cara 2. Yang manakah lebih mudah?

NOTA GURU

- ☉ Tegaskan pecahan juta yang berlainan penyebut mesti disamakan dahulu sebelum menyelesaikan operasi tolak.

$$\begin{array}{r} 14 \\ 115000 \\ \times \quad 8 \\ \hline 920000 \end{array}$$

Bilangan sabun yang dihasilkan dalam 8 minggu ialah 9 200 000 buku.

Nyatakan jawapan dalam
perpuluhan juta dan
pecahan juta pula.



Nyatakan jawapan dalam perpuluhan juta.

Langkah 1

$$\begin{array}{r} 25\,000 \\ \times \quad 32 \\ \hline 50\,000 \\ + 750\,000 \\ \hline 800\,000 \end{array}$$

Langkah 2

$$\frac{800\,000}{1\,000\,000} \text{ juta} = 0.8 \text{ juta}$$

Langkah 1

	2	5	0	0	0	x	
	0	6	1	5	0	0	3
8	0	4	1	0	0	0	2
	0	0	0	0	0	0	

$32 \times 25\,000 = 800\,000$

Langkah 2

$$\begin{aligned} 800\,000 &= \left(\frac{\cancel{800\,000}}{\cancel{1\,000\,000}} \right) \text{juta} \\ &= \frac{8}{10} \text{juta} \\ &= 0.8 \text{juta} \end{aligned}$$

$$32 \times 25\,000 = 0.8 \text{ juta}$$

3 $9 \times 0.75 \text{ juta} =$

Nyatakan jawapan dalam perpuluhan juta atau pecahan juta.

RABU

16 FEBRUARI 2022

Kiraan 1

$$\begin{array}{r} 6 \text{ } 4 \\ 0.75 \text{ juta} \\ \times \quad 9 \\ \hline 6.75 \text{ juta} \end{array}$$

Jawapan saya dalam perpuluhan juta.



RABU

16 FEBRUARI 2022

Kiraan 2

$$\begin{aligned} 0.75 &= \frac{75 \div 5}{100 \div 5} \\ &= \frac{15 \div 5}{20 \div 5} \\ &= \frac{3}{4} \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} 9 \times 0.75 \text{ juta} &= \frac{9}{1} \times \frac{3}{4} \text{ juta} \\ &= \frac{27}{4} \text{ juta} \\ &= 6 \frac{3}{4} \text{ juta} \end{aligned}$$

$$\begin{array}{r} 6 \\ 4 \overline{) 27} \\ \underline{-24} \\ 3 \end{array}$$

Saya jawab dalam pecahan juta.



$9 \times 0.75 \text{ juta} =$ **6.75 juta** atau **$6 \frac{3}{4}$ juta**



Nyatakan jawapan di atas dalam nombor bulat pula.

NOTA GURU

- Latih murid menukar pecahan juta dan perpuluhan juta kepada nombor bulat dan sebaliknya.

4 $4 \times 1\frac{9}{10}$ juta =

Kiraan 1

$$\begin{aligned} 4 \times 1\frac{9}{10} \text{ juta} &= 4 \times 1.9 \text{ juta} \\ &= 4 \times 1\text{ } \overbrace{900000}^{\text{ }} \times 1\,000\,000 \\ &= 4 \times 1\,900\,000 \\ &= 7\,600\,000 \end{aligned}$$

Kiraan 2

$$\begin{aligned} 4 \times 1\frac{9}{10} \text{ juta} &= \cancel{4}^2 \times \frac{19}{\cancel{10}_5} \text{ juta} \\ &= \frac{38}{5} \text{ juta} \\ &= 7\frac{3}{5} \text{ juta} \end{aligned}$$

$4 \times 1\frac{9}{10}$ juta = 7 600 000 atau $7\frac{3}{5}$ juta



$12 \times \frac{3}{4}$ juta =

A 0.009 juta

B 0.09 juta

C 0.9 juta

D 9 juta

- 5 Hitung hasil darab 5 dan 1.25 juta. Nyatakan jawapan dalam pecahan juta.
 5×1.25 juta =

Cara 1

$$\begin{array}{r} 12 \\ 1.25 \text{ juta} \\ \times 5 \\ \hline 6.25 \text{ juta} \end{array}$$

$$\begin{aligned} 6.25 \text{ juta} &= 6\frac{25 \div 25}{100 \div 25} \text{ juta} \\ &= 6\frac{1}{4} \text{ juta} \end{aligned}$$

Cara 2

$$\begin{aligned} 5 \times 1.25 \text{ juta} &= 5 \times 1\frac{1}{4} \text{ juta} \\ &= 5 \times \frac{5}{4} \text{ juta} \\ &= \frac{5}{1} \times \frac{5}{4} \text{ juta} \\ &= \frac{25}{4} \text{ juta} \\ &= 6\frac{1}{4} \text{ juta} \end{aligned}$$

5×1.25 juta = $6\frac{1}{4}$ juta

Cara manakah yang lebih mudah?



NOTA GURU

- Minta murid menulis jawapan bagi soalan 4 dan soalan 5 dalam perpuluhan juta.

BAHAGI**1**

1 200 000 pasang sarung tangan hendak dimasukkan sama banyak ke dalam beberapa bungkusan plastik.



Berapakah bilangan bungkusan plastik sarung tangan yang dihasilkan? Berikan jawapan dalam nombor bulat dan perpuluhan juta.

$$1\,200\,000 \div 10 = \text{[]}$$

Kiraan 1

$$\begin{array}{r} 1\,200\,000 \\ 10 \overline{) } \\ \hline 120\,000 \end{array}$$

Kiraan 2

$$\begin{aligned} 1\,200\,000 \div 10 &= 120\,000 \\ &= (120\,000 \div 1\,000\,000) \text{ juta} \\ &= 0.12 \text{ juta} \end{aligned}$$

$$1\,200\,000 \div 10 = \text{120 000} \text{ atau } \text{0.12 juta}$$

Bilangan bungkusan plastik sarung tangan yang dihasilkan ialah **120 000** atau **0.12 juta**.

$$\text{2 } 8.25 \text{ juta} \div 3 = \text{[]} \text{ juta}$$

$$\begin{array}{r} 2.75 \text{ juta} \\ 3 \overline{) 8.25 \text{ juta}} \\ \underline{-6} \\ 2 \\ \underline{-2} \\ 0 \\ \underline{-0} \\ 0 \end{array}$$

$$8.25 \text{ juta} \div 3 = \text{2.75} \text{ juta}$$

Nyatakan jawapan dalam nombor bulat dan pecahan juta pula.

**NOTA GURU**

- Galakkan murid menggunakan bentuk lazim ketika membahagi sebarang dua nombor.

- 3 Bahagikan $6\frac{4}{5}$ juta dengan 8. Nyatakan jawapan dalam nombor bulat.

$$6\frac{4}{5} \text{ juta} \div 8 = \boxed{}$$

Langkah 1

$$\begin{aligned} 6\frac{4 \times 2}{5 \times 2} \text{ juta} &= 6\frac{8}{10} \text{ juta} \\ &= 6.8 \text{ juta} \\ &= 6.\underline{800000} \times 1\,000\,000 \\ &= 6\,800\,000 \end{aligned}$$

Langkah 2

$$6\,800\,000 \div 8 = \boxed{}$$

- 4 Kira hasil bahagi $9\frac{3}{8}$ juta dengan 15.

$$9\frac{3}{8} \text{ juta} \div 15 = \boxed{} \text{ juta}$$

Langkah 1

$$\begin{aligned} 9\frac{3}{8} \text{ juta} &= \frac{75}{8} \text{ juta} \\ &= 9.375 \text{ juta} \end{aligned}$$

$$\begin{array}{r} 9.375 \\ 8 \overline{) 75.000} \\ \underline{-72} \\ 30 \\ \underline{-24} \\ 60 \\ \underline{-56} \\ 40 \\ \underline{-40} \\ 0 \end{array}$$

Langkah 2

$$\begin{array}{r} 0.000 \text{ juta} \\ 15 \overline{) 9.375 \text{ juta}} \\ \underline{-0} \\ 93 \\ \underline{-90} \\ 37 \\ \underline{-30} \\ 75 \\ \underline{-75} \\ 0 \end{array}$$



Lengkapkan pengiraan di atas. Yang manakah setara dengan jawapan kamu bagi contoh 4?



Lengkapkan ayat matematik ini berpandukan nombor yang diberikan.



$$\triangle \div \square = 0.89 \text{ juta}$$

NOTA GURU

- Pelbagaikan soalan operasi bahagi yang melibatkan nombor bulat, pecahan juta dan perpuluhan juta bagi mengukuhkan pemahaman dan penguasaan murid.
- Galakkan murid menyelesaikan operasi bahagi secara bentuk lazim.



1 Kira hasil tambah.

a $38\,075 + 991\,002 + 75\,600 =$

b $4\,305\,120 + 114\,880 =$

c Nyatakan jawapan dalam pecahan juta.

i $1\,720\,900 + 1\,079\,100 =$ ii $4\,225\,965 + 899\,035 =$

d i $6\,480\,521 + 0.4 \text{ juta} =$ ii $1.53 \text{ juta} + 68\,304 =$

iii $320\,159 + \frac{3}{4} \text{ juta} =$ iv $2\frac{1}{2} \text{ juta} + 470\,000 =$

e i $4.28 \text{ juta} + 3\frac{1}{5} \text{ juta} =$ ii $7\frac{1}{10} \text{ juta} + 370\,000 + 0.83 \text{ juta} =$

iii $0.93 \text{ juta} + 65\,000 + 6\frac{7}{10} \text{ juta} =$

2 Kira baki.

a i $6\,732\,189 - 5\,401\,207 =$ ii $7\,982\,000 - 2\,483\,000 =$

b i $892\,147 - 0.84 \text{ juta} =$ ii $5\frac{4}{5} \text{ juta} - 328\,950 =$

iii $3.98 \text{ juta} - 1\frac{7}{8} \text{ juta} =$ iv $5\,330\,472 - 0.9 \text{ juta} - 2\frac{1}{8} \text{ juta} =$

v $6\frac{4}{5} \text{ juta} - 3\,020\,490 - 1.45 \text{ juta} =$

3 a Cari hasil darab.

i $6 \times 230\,000 =$ ii $3 \times 385\,000 =$ iii $25 \times 276\,000 =$

b Hitung. Berikan jawapan dalam nombor bulat.

i $7 \times 0.24 \text{ juta} =$ ii $9 \times \frac{3}{5} \text{ juta} =$ iii $8 \times 1\frac{1}{8} \text{ juta} =$

iv $32 \times 0.002 \text{ juta} =$

4 a Bahagi.

i $3\,051\,000 \div 5 =$ ii $1\,071\,000 \div 9 =$ iii $1\,500\,000 \div 12 =$

b Hitung. Nyatakan hasil bahagi dalam nombor bulat.

i $0.86 \text{ juta} \div 4 =$ ii $\frac{3}{5} \text{ juta} \div 6 =$ iii $1\frac{3}{10} \text{ juta} \div 26 =$

NOTA GURU

- Galakkan murid menyemak jawapan dengan kalkulator.